
GAYA ASUHAN IBU BAPA, PERSONALITI PSIKO-SPIRITUAL DENGAN DAYA KETAHANAN DIRI DALAM KALANGAN PELAJAR USAS

Mariani Omar &
Aiman Syahirah Shihabudin
Fakulti Pengajian Islam
Jabatan Sains Kemanusiaan
Universiti Sultan Azlan Shah
Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak
Tel: +60173729156 E-mail: mariani@usas.edu.my

ABSTRAK: Daya ketahanan diri merupakan salah satu elemen penting dalam melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi iaitu mampu memberi sumbangan kepada kemajuan sesebuah negara. Dewasa ini, keupayaan generasi muda dalam memenuhi kriteria tersebut telah menjadi persoalan besar dalam kalangan masyarakat setempat. Hal ini demikian kerana golongan ini seringkali dilaporkan terlibat dengan gejala yang tidak bermoral seperti merokok, penyalahgunaan dadah, pergaulan bebas dan sebagainya. Sehubungan itu, tujuan utama kajian ini dijalankan adalah bagi mengenal pasti hubungan di antara gaya asuhan ibu bapa, personaliti psiko-spiritual dengan daya ketahanan diri dalam kalangan pelajar. Kajian ini melibatkan seramai 250 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Kaunseling di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kuala Kangsar, Perak. Data bagi kajian ini telah diperolehi menerusi kaedah tinjauan menggunakan soal selidik iaitu merangkumi *Parental Authority Questionnaire* (PAQ), *Ummatic Personality Inventory* (UPI) dan Skala Ketahanan Diri (SKD). Hasil analisis deskriptif menunjukkan bahawa gaya asuhan ibu bapa yang paling dominan dalam kalangan pelajar adalah autoritatif ($X = 3.707$, $SP = 0.573$), diikuti dengan autoritarian ($X = 3.395$, $SP = 0.672$) dan permisif ($X = 2.867$, $SP = 0.682$). Majoriti pelajar juga mempunyai tahap personaliti psiko-spiritual ($X = 3.788$, $SP = 0.445$) dan daya ketahanan diri ($X = 5.432$, $SP = 0.720$) yang tinggi. Hasil analisis korelasi Pearson pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya asuhan ibu bapa autoritatif ($r = 0.299$, $p < 0.01$) dan autoritarian ($r = 0.142$, $p < 0.05$) dengan personaliti psiko-spiritual dalam kalangan pelajar. Gaya asuhan ibu bapa autoritatif ($r = 0.318$, $p < 0.01$) dan autoritarian ($r = 0.136$, $p < 0.05$) juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan daya ketahanan diri dalam kalangan pelajar. Oleh itu, pembinaan intervensi yang menekankan elemen gaya asuhan ibu bapa dan personaliti psiko-spiritual adalah penting bagi meningkatkan lagi kualiti daya ketahanan diri golongan pelajar masa kini.

Kata Kunci: Gaya Asuhan Ibu Bapa, Personaliti Psiko-Spiritual dan Daya Ketahanan Diri

Pengenalan

Perkembangan gaya asuhan ibu bapa merupakan satu kesinambungan sikap, perilaku dan emosi yang diekspresikan oleh ibu bapa sepanjang proses membesarkan anak-anak (Darling dan Steinberg, 1993). Baumrind (1991) pula berpendapat bahawa gaya asuhan ibu bapa dapat difahami menerusi darjah *responsiveness* dan *demandingness* yang ditonjolkan oleh mereka. *Responsiveness* adalah merujuk kepada sejauh mana ibu bapa memberi maklum balas dalam memenuhi keperluan anak-anak yang merangkumi pemberian sokongan, kasih sayang dan kemesraan. *Demandingness* pula melibatkan tuntutan ibu bapa terhadap tahap kematangan, tanggungjawab serta kepatuhan anak-anak terhadap peraturan yang ditetapkan. Persatuan Psikologi Amerika (APA, 2020) menjelaskan gaya asuhan umumnya telah didasari oleh tiga matlamat utama. Pertama, adalah bagi menjamin kesejahteraan dan keselamatan anak-anak. Kedua pula, adalah bertujuan untuk menjadikan anak-anak seorang dewasa yang produktif. Akhir sekali, adalah bagi menyalurkan nilai-nilai kebudayaan yang positif dalam kalangan anak-anak.

Menurut Baumrind (1991) terdapat empat jenis gaya asuhan yang diamalkan oleh golongan ibu bapa iaitu autoritatif, autoritarian, permisif dan mengabaikan. Gaya asuhan pertama iaitu autoritatif diwakili oleh ibu bapa yang memiliki darjah *responsiveness* dan *demandingness* yang relevan serta seimbang. Di samping itu, gaya asuhan kedua iaitu autoritarian pula menunjukkan ibu bapa yang mempunyai darjah *demandingness* yang tinggi dan darjah *responsiveness* yang rendah. Sementara itu, ibu bapa dengan gaya asuhan permisif mempamerkan darjah *responsiveness* yang tinggi dengan darjah *demandingness* yang rendah. Akhir sekali, ibu bapa dengan gaya asuhan mengabaikan menunjukkan darjah yang rendah bagi *responsiveness* dan juga *demandingness* (Mariani Omar & Siti Sarah Hamzah, 2016; dan Cherry, 2019).

Di Malaysia, gaya asuhan yang dipraktikkan oleh ibu bapa turut menunjukkan perubahan seiring dengan peredaran zaman. Pada tahun 80-an, ibu bapa dikatakan lebih cenderung memilih gaya autoritarian iaitu bersikap tegas dalam mendidik anak-anak (Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin & Jamaludin Tubah, 2006). Anak-anak bukan sahaja tidak diberi peluang untuk bersuara bahkan dikenakan hukuman rotan jika mengingkari arahan mereka (Nur Firdaus dalam Harian Metro, 6 April 2018). Memasuki zaman baharu, kini ibu bapa tempatan dikenalpasti lebih kerap mengamalkan gaya asuhan autoritatif iaitu menunjukkan tahap kemesraan dan ketegasan yang setara terhadap anak-anak (Nik Hairi, Azmi & Ahmad Shazili, 2012; Hamidah, 2013 dan Salasiah, Izzah, Rosmawati & Zuliza, 2019). Namun, dalam era moden ini juga tidak dinafikan terdapat juga anak-anak yang menerima gaya asuhan mengabaikan daripada ibu bapa. Ini kerana majoriti ibu bapa masa kini masing-masing merupakan golongan yang bekerjaya. Rutin harian mereka yang terlalu sibuk ini telah menyebabkan anak-anak menjadi terbiar tanpa kasih sayang serta pengawasan yang sepatutnya. Oleh itu, pengaruh hubungan komunikasi dalam keluarga sangat penting dalam membentuk personaliti muslim dalam kalangan anak-anak (Aini Faezah Ramlan, S Salahudin Suyurno, Muhammad Taufik Sharipp, Abdul Rauf Ridzuan & Siti Nur Farrah Faadiyah Abd Ghani, 2018).

Selain gaya asuhan ibu bapa, aspek personaliti psiko-spiritual turut menjadi topik perbincangan utama dalam kajian ini. Umumnya, perkataan personaliti berasal daripada perkataan bahasa Inggeris iaitu *personality* yang juga membawa makna keperibadian. Personaliti ini juga pada asalnya diambil daripada bahasa Latin iaitu *persona* yang bermaksud 'topeng muka' di mana ianya digunakan oleh barisan pelakon Yunani ketika pementasan teater (Azizi Yahya dan Shahrin Hashim, 2008; Atikah Osman & Siti Aishah Yahya, 2018). Menurut tokoh barat, personaliti adalah kelompok sifat yang unik dan kekal dalam diri individu yang mungkin berubah bergantung kepada sesuatu situasi. Dalam konteks Islam pula, personaliti lebih sinonim dengan istilah akhlak dan juga sahsiah. Sementara itu, psiko-spiritual telah diistilahkan sebagai satu fenomena perubahan yang dialami oleh individu dalam menjadi seorang yang lebih bertegang teguh dengan nilai-nilai keagamaan (Euis Sunarti, Intan Islamia, Nur Rochimah & Milatul Ulfa, 2018). Gabungan kedua-dua perkataan tersebut membentuk satu istilah baru yang dinamakan sebagai personaliti psiko-spiritual. Menurut Nooraini Othman (2011) personaliti psiko-spiritual adalah merujuk kepada sifat-sifat semulajadi manusia sepertimana yang terkandung dalam al-Quran dan juga al-Sunnah. Penerimaan gaya keibubapaa dalam kalangan remaja juga mempunyai kesan terhadap perkembangan dan kecerdasan emosi anak remaja (Abdul Adib Asnawi, Agnis Sombuling & Lailawati Madlan @ Endalan, 2017).

Baumrind (1971) turut menjelaskan bahawa setiap satu gaya asuhan yang dipamerkan oleh ibu bapa memberi kesan yang berbeza terhadap perkembangan diri anak-anak. Di antara semua gaya asuhan yang dibincangkan sebelum ini, hanya gaya asuhan autoritatif sahaja yang paling berkesan dalam melahirkan anak-anak dengan sifat-sifat yang positif. Ibu bapa yang mengasuh anak-anak secara autoritatif menjadikan mereka seorang yang mempunyai kawalan dan kebergantungan sendiri yang baik, suka meneroka dan tidak mudah terlibat dengan tingkah laku yang berisiko. Sementara itu, gaya asuhan autoritarian mengakibatkan anak-anak memiliki tahap tanggungjawab sosial dan berdikari yang rendah serta mudah untuk menghadapi masalah dari aspek tingkah laku dan juga akademik (Ooi Shok Hong, Choi Sang Long dan Rabeatul Husna Abdul Rahman, 2015; Diana, Wulandari and Lee, Jun Choi & Sawan @ Mohammad Syawal Narawi, 2018).

Seterusnya, keperibadian turut mencerminkan daya ketahanan diri yang dimiliki oleh seseorang individu (Hissan Hathut, 2015). Pelbagai definisi telah diberikan oleh para sarjana bagi menerangkan makna daya ketahanan diri yang juga merupakan salah satu aspek utama yang diukur dalam kajian ini. Dari segi bahasa, daya ketahanan diri atau *resilience* berasal daripada bahasa Latin iaitu *resilire* yang bermaksud melantun kembali (Hoddinot, 2014). Dari segi istilah pula, Cohen (2018) berpendapat bahawa daya ketahanan diri adalah satu keadaan yang menggambarkan sejauh mana individu mampu mengadaptasikan diri dengan pelbagai peristiwa hidup yang dialami. Individu ada kapasiti diri untuk bertahan dan berkembang dalam situasi yang sukar.

Penghayatan ibadah dan kesannya terhadap hubungan sosial di kalangan pelajar amat penting dalam menentukan gaya ketahanan dan personaliti Islamik pelajar (Aerisuli Awang, 2011). Di mana persekitaran Islamik akan memberi ruang kepada anak berkembang dengan sihat secara psikospiritual dan mental (Adibah Sulaiman, Ezad Azraai Jamsari & Noorsafuan Che Noh, 2014). Ibu bapa yang menyedari kepentingan agama dalam jiwa anak-anak dapat melahirkan sahsiah yang cemerlang hasil daripada didikan ibu bapa (Abdul Munir Ismail, Saharizah Mohamad Salleh dan Misnan Jemali, 2016; dan Siti Aishah Yahya & Sidar Binti Nasrun, 2016).

Rohani Nasir et al. (2009) pula telah menggariskan beberapa kriteria individu dengan ketahanan diri yang unggul. Kriteria-kriteria tersebut telah dibahagikan kepada dua faktor pelindung iaitu dalaman dan luaran (Siti Hajar Mohamad Yusoff & Yahya Don, 2016). Bagi faktor dalaman, individu yang memiliki daya tahan yang positif dicirikan sebagai seorang yang mampu mengawal tekanan dan menyelesaikan masalah dengan baik serta bersikap optimistik (Siti Hajar Kamaruddin, Jamiah Manap, Haslinda Abdullah dan Turiman Suandi, 2016; dan Siti Hajar Kamaruddin, Jamiah Manap, Haslinda Abdullah dan Turiman Suandi, 2016). Di samping itu, individu juga memiliki penghargaan dan efikasi sendiri yang tinggi serta mempunyai kompetensi sosial yang baik (Nor Syakila Jaeh & Amalia Madihie, 2019). Bagi faktor luaran pula, individu mempunyai keluarga yang memberi sokongan menunjukkan contoh yang baik serta diasuh dengan gaya autoritatif. Begitu juga dari sudut persekitaran sekolah, individu mendapat sokongan daripada pihak guru, diberi peluang untuk meningkatkan potensi diri serta saling mengambil berat di antara satu sama lain (Asmawati Desa, Fatimah Yusoff, Zainah Ahmad Zamani, Nor Ba'yah Abdul Kadir dan Mohd Norahim Mohamed Sani, 2015; dan Dinar Sari Eka Dewi & Hazaliza Hamzah, 2019).

Kelalaian ibu bapa dalam mengamalkan gaya asuhan yang bersesuaian menjadi salah satu faktor utama berlaku permasalahan sosial. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Ali Hafizar, Norida dan Siti Nurul Suhada (2017), masih terdapat ibu bapa yang belum begitu jelas akan gaya asuhan yang paling efektif untuk diamalkan. Menurut Nurshuhada Mohd Sabri, Wan Shahrazad Wan Sulaiman dan Norulhuda Sarnon (2018) pula, ibu bapa yang tidak memainkan peranannya dengan baik serta kurang berkomunikasi malah menyumbang kepada peningkatan masalah sosial dalam masyarakat (Nur Azhana Ahmad, 2017). Tambah beliau, ibu bapa yang gemar memberi kebebasan penuh kepada anak-anak menjadikan mereka lemah dari sudut kecerdasan emosi dan mudah terpengaruh dengan gejala negatif. Seterusnya, Monireh, Anahita, Zabih, (2016). menyatakan bahawa pengamalan gaya asuhan yang terlalu *rigid* dan terlalu mengawal turut mengakibatkan anak-anak bersikap kuat memberontak dan juga kurang motivasi dalam diri (Zahra Abaspoorazar, Noor Ali Farrokhi, Ahmad Borj Ali, 2015). Sekiranya hal ini berlarutan, inaya dikhuatiri akan menjejaskan kefungsiannya sesebuah keluarga di mana ianya turut memberi kesan terhadap kadar kerisauan, isu sosial dan perilaku agresif anak-anak (Asmawati Desa Fatimah Yusoff, Zainah Ahmad Zamani, Nor Ba'yah Abdul Kadir dan Mohd Norahim Mohamed Sani, 2015; Urvashi & Anita, 2017).

Selain itu, masalah sosial yang membelenggu remaja juga turut dikaitkan dengan faktor agama ataupun spiritual. Hasna Bidin (2016) menyatakan bahawa faktor ini menentukan pembentukan personaliti individu sama ada baik atau sebaliknya. Kegagalan individu untuk mengekalkan personaliti yang baik menyebabkan berlakunya kecelaruan akidah, akhlak dan sosial. Menurut Khairani Kaharuddin dan Mohd. Dahlan (2014), ibu bapa yang juga menjadi fokus utama kajian ini adalah golongan utama yang bertanggungjawab dalam mendidik anak-anak perihal keagamaan (Mardziah Ab Aziz & Nurul Ilyana Muhd Adnan, 2018). Penerapan nilai-nilai agama ini adalah

penting bagi membantu anak-anak mencapai matlamat dan kejayaan pada masa hadapan (Masjuki Misbah, 2017; Nik Ahmad Hisham Ismail, Mustafa Tekke, Nooraini Othman & Afareez Abd Razak Al-Hafiz, 2016). Penghayatan agama sangat penting dalam membentuk personaliti pelajar Islam Ruzieha Abd Halim, 2017). Ibu bapa juga berperanan sebagai *role model* bagi melahirkan anak-anak yang mempunyai jati diri Islam yang utuh dan terhindar daripada perbuatan yang bertentangan dengan syariat Islam (Noor A. Rosli, 2014; dan Noor Hafizah Mohd Haridi, 2016; Nasarudin Desa, Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Sabri Mohamad, 2018). Isu-isu pengabaian solat dalam kalangan remaja sangat terkait dengan gaya hubungan dengan gaya tanggungjawab ibu bapa dan gaya pengaruh gaya keibubapaan terhadap personaliti anak-anak (Suhaila Nadzri, Suhaily Md Shamsudin, Siti Syuhada Abd Rahman, Ahmad A'toa' Mohktar & Azri Rizal Md Razali, 2018; Siti Jauyah Lokman, 2016; dan Faizah Abdul Ghani, Suraya Lin Abdullah Kamal & Azian Abd Aziz, 2014).

Permasalahan Kajian

Ruang lingkup gejala sosial bukanlah satu isu yang asing lagi dalam kalangan generasi muda terutama golongan pelajar pada hari ini. Pelbagai kes yang dilaporkan di media massa dan sosial saban hari telah mendatangkan kegusaran bukan sahaja kepada ibu bapa bahkan juga masyarakat setempat. Namun, jika dipandang dari sudut perspektif remaja itu sendiri, apa yang mereka lalui pada peringkat ini bukanlah satu perkara yang mudah (Ng Ying Yee & Wan Shahrazad Sulaiman, 2017). Hal ini demikian kerana jelas Hall (1904) (dalam Jas Laile Suzana, 2008), pada ketika ini remaja sedang mengalami satu fasa yang disebut sebagai *storm and stress* (Nurul Husna Rosidi, 2019). Kehidupan remaja masa ini dipenuhi dengan cubaan dan jika ianya tidak diuruskan dengan baik kemungkinan untuk remaja mengalami kegagalan dalam hidup adalah tinggi (Asmaliah Ismail, 2017).

Senario yang berlaku ini dilaporkan mempunyai kaitan dengan isu daya ketahanan diri yang lemah dalam kalangan remaja. Umumnya, remaja dikatakan secara fitrahnya lebih mudah untuk terpengaruh dengan unsur-unsur negatif berbanding positif. Hal ini demikian kerana unsur-unsur positif memerlukan kepada daya ketahanan diri, kesungguhan dan ketabahan yang tinggi berbanding unsur-unsur negatif yang didasari oleh perasaan ingin tahu serta mencuba yang tinggi (Maboudeh Mohammadi, Akram Sanagoo, Abolfazl Kavosi & Ali Kavosi, 2018). Situasi ini menyebabkan strategi negara dalam melahirkan generasi pemimpin baru yang bewibawa menjadi semakin sukar untuk direalisasikan. Ini kerana daya ketahanan diri yang kuat khususnya dari aspek mental merupakan kriteria penting bagi seseorang individu yang ingin bergelar sebagai seseorang pemimpin yang berwibawa (Aisha Siddiqa dan Anis Jahan, 2018; Rosmala Dewi, Raudah Zaimah Dalimunthe, M. Fitri Rahmadana, Wanapri Pangaribuan, M. Bukhori Dalimunthe & Martiano, 2019).

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi kelompongan tersebut bagi meningkatkan lagi kefahaman di antara hubungan di antara gaya asuhan ibu bapa, personaliti psiko-spiritual dengan daya ketahanan diri dalam kalangan pelajar di USAS.

Persoalan kajian

Kajian ini adalah untuk menjawab persoalan berikut:

Kajian ini adalah bertujuan untuk menjawab beberapa persoalan iaitu:

- 1). Apakah tahap gaya asuhan ibu bapa dalam kalangan pelajar?
- 2). Apakah tahap personaliti psiko-spiritual dalam kalangan pelajar?
- 3). Apakah tahap daya ketahanan diri dalam kalangan pelajar?
- 4). Adakah terdapat hubungan di antara gaya asuhan ibu bapa, personaliti psiko-spiritual dan daya ketahanan diri?

Objektif kajian

Antara tujuan kajian ini dijalankan adalah:

- 1). Mengetahui pasti tahap gaya asuhan ibu bapa dalam kalangan pelajar.
- 2). Mengetahui pasti tahap personaliti psiko-spiritual dalam kalangan pelajar.
- 3). Mengetahui pasti tahap daya ketahanan diri dalam kalangan pelajar.
- 4). Mengetahui pasti hubungan di antara gaya asuhan ibu bapa, personaliti psiko-spiritual dan daya ketahanan diri

Kepentingan kajian

Kesignifikan kajian pada dasarnya menerangkan tentang sejauh mana keperluan dan sumbangan yang diberikan oleh sesuatu kajian terhadap bidang yang dikaji. Amnya, kajian ini memberikan gambaran umum mengenai kualiti pelajar pada masa kini. Hal ini adalah menerusi pemahaman terhadap daya ketahanan diri pelajar dan hubungannya dengan gaya asuhan ibu bapa dan personaliti psiko-spiritual yang mereka miliki. Berdasarkan penelitian pengkaji, kesignifikan kajian ini dapat dijelaskan dalam beberapa konteks iaitu golongan pelajar, institusi keluarga, institusi pendidikan dan bidang psikologi.

Dalam konteks institusi keluarga pula, kajian ini diharapkan dapat meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam mencorakkan ahli keluarga dengan sahsiah diri yang positif dan jauh daripada gejala yang tidak bermoral. Seterusnya adalah melibatkan konteks institusi pendidikan iaitu meliputi pihak sekolah, kolej dan juga universiti. Di samping itu, penerapan kursus dan program yang berasaskan elemen kerohanian juga dapat dipergiatkan dengan kerjasama dengan agensi kerajaan mahupun bukan kerajaan (NGO). Selanjutnya, kajian ini turut membantu pihak kaunselor untuk lebih memahami isu daya ketahanan diri yang dihadapi oleh golongan pelajar dan memberi bantuan yang diperlukan dengan lebih berkesan serta intensif.

Dalam konteks yang terakhir iaitu bidang psikologi pula, kajian ini sedikit sebanyak telah membantu mengisi jurang yang wujud di antara kajian-kajian sedia ada, di samping dapat menyumbang ilmu pengetahuan yang lebih konsisten. Selain itu, beberapa dapatan baru yang bakal diperolehi dalam kajian ini juga secara tidak langsung dapat dijadikan sebagai panduan untuk kajian lanjutan oleh para pengkaji akan datang. Bukan itu sahaja, kesahihan Teori Gaya Asuhan Ibu Bapa Baumrind, Model Personaliti Psiko-spiritual dan Teori Ekologi Bronfenbrenner juga dapat dikukuhkan menerusi pengujian yang sistematik. Para ibu bapa harus di dedahkan dengan gaya asuhan yang betul untuk membentuk generasi yang sejahtera dari segi psiko-spiritual dan daya ketahanan diri yang mantap dan bersepadu untuk mendepani era revolusi industry 4.0 (Adibah Sulaiman, Ezad Azraai Jamsari & Noorsafuan Che Noh, 2014; Kustiah Sunarty & Gufran Darma Dirawan; 2015; Masoumeh Alidosti, Seyedeh Leila Dehghani, Akhbar Babaei-Heydarabadi & Elahe Tavassoli, 2016; dan Khairul Anwar Mastor & Hasnan Kasan, 2019).

Reka Bentuk Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih kajian berbentuk tinjauan iaitu dengan menjadikan set soal selidik sebagai instrumen utama pengumpulan data kajian. Kaedah ini dipilih kerana ianya didapati lebih mudah dan efisien bagi mendapatkan maklumat secara terperinci mengenai gaya asuhan ibu bapa, personaliti psiko-spiritual dan daya ketahanan diri yang dimiliki oleh responden kajian. Secara keseluruhannya, kajian ini adalah bersifat kuantitatif kerana data yang diperolehi adalah dalam bentuk numerikal serta dianalisis dengan menggunakan kaedah matematik dan statistic.

Responden Kajian

Dalam kajian ini, populasi yang terlibat adalah merangkumi semua pelajar Ijazah Sarjana Muda Kaunseling (BOC) iaitu secara keseluruhannya berjumlah 735 orang. Menerusi teknik persampelan rawak mudah, seramai 250 orang pelajar telah dipilih daripada jumlah berkenaan sebagai sampel kajian. Penentuan jumlah sampel kajian pula adalah merujuk kepada jadual penetapan sampel sebagaimana yang telah disarankan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Jumlah responden yang telah dikenal pasti ialah seramai 250 orang.

Lokasi Kajian

Kajian ini telah dijalankan di sebuah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) iaitu di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Institusi ini bertempat di daerah Bukit Chandan, Bandar Di Raja Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan. Sebelum dinaiktaraf sepenuhnya menjadi sebuah universiti, USAS turut dikenali dengan nama Kolej Islam Darul Ridzuan (KISDAR) dan Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah (KUISAS). Sejarah penubuhan KISDAR adalah bermula pada tahun 1999 iaitu pada awalnya hanyalah beroperasi sebagai sebuah kampus sementara dan kemudiannya menjadi sebuah kampus tetap pada tahun 2008. Pada 2009, KISDAR telah rasmi dinaiktaraf kepada KUISAS oleh D.Y.M.M Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah. Akhirnya pada tahun 2016, Perdana Menteri keenam iaitu Y.A.B Dato' Seri Najib Tun Razak telah mengumumkan KUISAS sebagai sebuah universiti penuh dan kini lebih dikenali dengan nama USAS.

Falsafah utama penubuhan USAS adalah “Bagi mengintegrasikan pengetahuan, kepercayaan, pengalaman dan kemanusiaan” dalam kalangan para pendidik dan para pelajar. Bagi merealisasikan falsafah tersebut, USAS sehingga kini sudah memiliki dua fakulti akademik iaitu Fakulti Pengajian Islam serta Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat. Di bawah kedua-dua buah fakulti tersebut terdapat pelbagai jenis program yang ditawarkan iaitu yang terdiri daripada peringkat Asasi, Diploma, Ijazah Sarjana Muda serta Ijazah Sarjana. Tambahan pula, program pada setiap peringkat pengajian yang dinyatakan juga telah memperolehi akreditasi penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Berdasarkan rekod yang diperolehi daripada Jabatan Akademik dan Kemasukan Pelajar mendapati bahawa jumlah pelajar bagi kedua-dua fakulti pada semester II sesi 2019/2020 adalah seramai 2,100 orang. Namun, sasaran utama kajian ini adalah terarah kepada para pelajar yang mengambil program Ijazah Sarjana Muda Kaunseling yang merangkumi lapan semester secara keseluruhan. Statistik terbaru jumlah pelajar telah mencapai lebih 6000 orang pelajar (Sesi Pengajian Semester II 2019/2020).

Instrumen Kajian

Borang soal selidik telah dijadikan alat kajian bagi membantu pengkaji memperolehi maklumat-maklumat penting daripada responden kajian secara sistematik dan efisien. Soal selidik yang digunakan mempunyai empat bahagian utama iaitu Bahagian A: Latar Belakang Responden, Bahagian B: *Parental Authority Questionnaire* (PAQ), Bahagian C: *Ummatic Personality Inventory* (UPI) (Nooraini Othman & Salasiah Kahirollah, 2013; Nazneen Ismail & Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, 2018) dan Bahagian D: Skala Ketahanan Diri (SKD). Bagi soal selidik di Bahagian A, responden dikehendaki untuk mengisi serta menandai maklumat diri mereka pada ruangan jawapan yang diberikan. Manakala, soal selidik di Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D terdiri daripada item soalan berbentuk skala likert lima dan tujuh mata. Pada bahagian ini, responden dikehendaki untuk memilih nombor skala yang paling benar menggambarkan diri mereka.

Kaedah Pengumpulan Data

Prosedur pengumpulan data dalam kajian ini dijalankan secara berperingkat supaya kajian berjalan dengan lancar, tersusun dan telus. Tatacara kajian adalah melibatkan penerangan spesifik mengenai rangkaian prosedur yang perlu dilalui oleh pengkaji dalam memastikan kajian ini terlaksana dengan jayanya. Di permulaan kajian, prosedur yang diambil oleh pengkaji adalah merangkumi pemilihan tema yang menjadi fokus utama kajian. Dalam pada masa yang sama, pengkaji juga telah meminta kebenaran menerusi e-mel daripada pemilik instrumen yang ditemukan bersesuaian untuk diaplikasikan dalam kajian ini. Setelah itu, pengkaji mula mengedarkan soal selidik kepada responden secara atas talian iaitu dengan menggunakan *Google Form*. Pengedaran soal selidik juga dibuat secara berperingkat mengikut semester pengajian.

Analisis Data

Maklumat daripada responden dianalisis, pengkaji telah menggunakan dua kaedah analisis statistik iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi bagi menjawab persoalan yang dinyatakan di awal kajian. Kaedah pertama iaitu statistik deskriptif adalah bertujuan untuk menghuraikan ciri-ciri sesuatu pemboleh ubah dalam bentuk kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Misalnya, maklumat responden seperti jantina, semester, umur, negeri asal penjaga, anggaran pendapatan keluarga dan pekerjaan ibu bapa diterangkan dalam bentuk kekerapan dan peratusan. Manakala, tahap amalan gaya asuhan ibu bapa, tahap personaliti psiko-spiritual serta tahap ketahanan diri responden pula dijelaskan dalam bentuk nilai min dan juga sisihan piawai.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian bagi analisis deskriptif adalah merangkumi maklumat demografi responden iaitu semester, jantina, bangsa, umur, bilangan adik-beradik, negeri asal, anggaran pendapatan keluarga, penjaga dan pekerjaan ibu bapa responden. Di samping itu, dapatan ini adalah bagi menjawab objektif pertama, objektif kedua dan objektif ketiga kajian iaitu bagi mengenal pasti tahap gaya asuhan ibu bapa, personaliti psiko-spiritual dan daya ketahanan diri responden.

Jumlah responden yang merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Kaunseling (BOC) berdasarkan semester pengajian. Bagi semester 1 hanya sejumlah 12 (4.8%) orang pelajar yang terlibat sebagai responden kajian. Pelajar semester 2 pula terdiri daripada 21 (8.4%) orang dan pelajar semester 3 adalah seramai 15 (6.0%) orang. Manakala, majoriti responden diwakili oleh para pelajar semester 4 dengan sejumlah 47 (18.8%) orang. Bilangan responden bagi semester 5 dan semester 6 yang dicatatkan adalah sejumlah 48 (19.2%) dan 38 (15.2%) orang. Selebihnya, seramai 43 (17.2%) orang adalah pelajar semester 7 dan 26 (10.4%) orang pula terdiri daripada pelajar semester 8. Secara keseluruhannya, kajian ini melibatkan seramai 55 (22.0%) responden lelaki dan seramai 195 (78.0%) responden perempuan. Maklumat mengenai lingkungan umur responden yang terlibat dalam kajian ini. Responden yang berumur di antara 20 hingga 21 adalah seramai 31 (12.4%) orang. Sementara itu, majoriti responden berada dalam lingkungan usia 22 hingga 23 tahun dengan jumlah kekerapan sebanyak 131 (52.4%). Kemudiannya, diikuti pula dengan responden yang berumur di antara 24 hingga 25 tahun iaitu berjumlah 88 (35.2%) orang.

Majoriti responden iaitu sejumlah 219 (87.6%) telah diasuh oleh ibu bapa kandung mereka. Di samping itu, seramai 27 (10.8%) responden pula telah diasuh sama ada oleh ibu atau bapa mereka sahaja. Selebihnya, responden yang diasuh oleh ibu atau bapa tiri dan juga penjaga yang lain masing-masing diwakili dengan sejumlah 2 (0.8%) orang.

Tahap Gaya Asuhan Ibu Bapa, Personaliti Psiko-Spiritual dan Daya Ketahanan Diri Responden

Jadual 1: Tahap Gaya Asuhan Ibu Bapa Responden

Gaya Asuhan	Min (X)	Sisihan Piawai (S.P)
Autoritatif	3.707	.573
Autoritarian	3.395	.672
Permisif	2.867	.682

Jadual 1 menunjukkan tiga jenis gaya asuhan yang diamalkan oleh ibu bapa responden kajian. Secara terperinci, amalan gaya asuhan autoritatif berada pada tahap yang tinggi ($X = 3.707$, $SP = 0.573$). Di samping itu, tahap yang sederhana direkodkan bagi amalan gaya asuhan autoritarian ($X = 3.395$, $SP = 0.672$). Akhir sekali, tahap amalan gaya asuhan permisif juga adalah sederhana iaitu dengan nilai min ($X = 2.867$, $SP = 0.682$). Dapatan ini menunjukkan bahawa gaya asuhan yang paling dominan dalam kalangan ibu bapa responden adalah autoritatif, diikuti dengan autoritarian dan permisif.

Jadual 2: Tahap Personaliti Psiko-spiritual Responden

Personaliti Psiko-spiritual	Min (X)	Sisihan Piawai (S.P)
Ibadah	3.644	.488
Amanah	3.803	.506
Ilmu	4.144	.472
Keseluruhan	3.788	.445

Hasil analisis dalam Jadual 2 adalah merujuk kepada tahap personaliti psiko-spiritual ibadah, amanah dan ilmu yang dimiliki oleh responden. Hasil analisis nilai min mendapati bahawa majoriti responden memiliki tahap personaliti psiko-spiritual yang tinggi dari aspek ibadah ($X = 3.644$, $SP = 0.488$), amanah ($X = 3.803$, $SP = 0.506$) dan ilmu ($X = 4.144$, $SP = 0.472$). Sementara itu, tahap personaliti psiko-spiritual secara keseluruhan yang diperolehi oleh responden adalah tinggi iaitu dengan nilai min ($X = 3.788$, $SP = 0.445$).

Jadual 3: Daya Ketahanan Diri Responden

Daya Ketahanan Diri	Min (X)	Sisihan Piawai (S.P)
Kebergantungan sendiri (<i>self-reliance</i>)	5.277	.868
Mempunyai makna (<i>meaningfulness</i>)	5.423	.796
Ketenangan (<i>equanimity</i>)	5.332	.932
Ketabahan (<i>perseverance</i>)	5.402	.811
Falsafah kesunyian (<i>existential aloneness</i>)	5.706	.752
Keseluruhan	5.432	.720

Tahap Gaya Asuhan Ibu Bapa, Personaliti Psiko-Spiritual dan Daya Ketahanan Diri Responden

Jadual 1: Tahap Gaya Asuhan Ibu Bapa Responden

Gaya Asuhan	Min (X)	Sisihan Piawai (S.P)
Autoritatif	3.707	.573
Autoritarian	3.395	.672
Permisif	2.867	.682

Jadual 1 menunjukkan tiga jenis gaya asuhan yang diamalkan oleh ibu bapa responden kajian. Secara terperinci, amalan gaya asuhan autoritatif berada pada tahap yang tinggi ($X = 3.707$, $SP = 0.573$). Di samping itu, tahap yang sederhana direkodkan bagi amalan gaya asuhan autoritarian ($X = 3.395$, $SP = 0.672$). Akhir sekali, tahap amalan gaya asuhan permisif juga adalah sederhana iaitu dengan nilai min ($X = 2.867$, $SP = 0.682$).

Jadual 2: Tahap Personaliti Psiko-spiritual Responden

Personaliti Psiko-spiritual	Min (X)	Sisihan Piawai (S.P)
Ibadah	3.644	.488
Amanah	3.803	.506
Ilmu	4.144	.472
Keseluruhan	3.788	.445

Hasil analisis dalam Jadual 2 adalah merujuk kepada tahap personaliti psiko-spiritual ibadah, amanah dan ilmu yang dimiliki oleh responden. Hasil analisis nilai min mendapati bahawa majoriti responden memiliki tahap personaliti psiko-spiritual yang tinggi dari aspek ibadah ($X = 3.644$, $SP = 0.488$), amanah ($X = 3.803$, $SP = 0.506$) dan ilmu ($X = 4.144$, $SP = 0.472$).

Jadual 3: Daya Ketahanan Diri Responden

Daya Ketahanan Diri	Min (X)	Sisihan Piawai (S.P)
Kebergantungan sendiri (<i>self-reliance</i>)	5.277	.868
Mempunyai makna (<i>meaningfulness</i>)	5.423	.796
Ketenangan (<i>equanimity</i>)	5.332	.932
Ketabahan (<i>perseverance</i>)	5.402	.811
Falsafah kesunyian (<i>existential aloneness</i>)	5.706	.752
Keseluruhan	5.432	.720

Jadual 3 memaparkan tahap daya ketahanan diri yang dimiliki oleh responden kajian yang terdiri daripada lima konstruk yang berlainan. Majoriti responden menunjukkan tahap kebergantungan sendiri (*self-reliance*) ($X = 5.277$, $SP = 0.868$) dan mempunyai makna (*meaningfulness*) ($X = 5.423$, $SP = 0.796$) yang tinggi. Responden juga telah mencapai tahap ketenangan (*equanimity*) ($X = 5.332$, $SP = 0.932$), ketabahan (*perseverance*) ($X = 5.402$, $SP = 0.811$) dan falsafah kesunyian (*existential aloneness*) ($X = 5.706$, $SP = 0.752$) yang tinggi. Secara keseluruhannya, responden kajian mempunyai daya ketahanan diri yang tinggi iaitu dengan nilai min ($X = 5.432$, $SP = 0.720$).

Hubungan di antara Gaya Asuhan Ibu Bapa, Personaliti Psiko- Spiritual dengan Daya Ketahanan Diri Responden

Jadual 4: Hubungan di antara Konstruk Gaya Asuhan Ibu Bapa

Hubungan	Korelasi Pearson (r)	Signifikan (p)
Hubungan di antara gaya asuhan autoritatif dengan gaya asuhan autoritarian	.140*	0.03
Hubungan di antara gaya asuhan autoritatif dengan gaya asuhan permisif	-0.010	0.87
Hubungan di antara gaya asuhan autoritarian dengan gaya asuhan permisif	.137*	0.03

***. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).*

**. Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).*

Berdasarkan Jadual 4, menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya asuhan autoritarian dengan gaya asuhan permisif dalam kalangan pelajar dengan nilai korelasi ($r = 0.137$, $p < 0.05$).

Jadual 5: Hubungan di antara Konstruk Personaliti Psiko-spiritual

Hubungan	Korelasi Pearson (r)	Signifikan (p)
Hubungan di antara personaliti psiko-spiritual ibadah dengan personaliti amanah	.785**	0.00
Hubungan di antara personaliti psiko-spiritual ibadah dengan personaliti ilmu	.567**	0.00
Hubungan di antara personaliti psiko-spiritual amanah dengan personaliti ilmu	.616**	0.00

***. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).*

**. Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).*

Berdasarkan Jadual 5, menjelaskan bahawa terdapat hubungan positif (tinggi) yang signifikan di antara personaliti psiko-spiritual ibadah dengan personaliti psiko-spiritual amanah ($r = 0.785$, $p < 0.01$) dalam kalangan pelajar. Hal ini menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap penghayatan nilai ibadah, semakin tinggi juga tahap penghayatan nilai amanah dalam kalangan pelajar.

Jadual 6: Hubungan di antara Konstruk Daya Ketahanan Diri

Hubungan	Korelasi Pearson (r)	Signifikan (p)
Kebergantungan sendiri (<i>self-reliance</i>) dengan mempunyai makna (<i>meaningfulness</i>)	.724**	0.00
Kebergantungan sendiri (<i>self-reliance</i>) dengan ketenangan (<i>equanimity</i>)	.743**	0.00
Kebergantungan sendiri (<i>self-reliance</i>) dengan ketabahan (<i>perseverance</i>)	.812**	0.00
Kebergantungan sendiri (<i>self-reliance</i>) dengan falsafah kesunyian (<i>existential aloneness</i>)	.652**	0.00
Mempunyai makna (<i>meaningfulness</i>) dengan ketenangan (<i>equanimity</i>)	.708**	0.00
Mempunyai makna (<i>meaningfulness</i>) dengan ketabahan (<i>perseverance</i>)	.765**	0.00
Mempunyai makna (<i>meaningfulness</i>) dengan falsafah kesunyian (<i>existential aloneness</i>)	.589**	0.00
Ketenangan (<i>equanimity</i>) dengan ketabahan (<i>perseverance</i>)	.719**	0.00
Ketenangan (<i>equanimity</i>) dengan falsafah kesunyian (<i>existential aloneness</i>)	.576**	0.00

Ketabahan (<i>perseverance</i>) dengan falsafah kesunyian (<i>existential aloneness</i>)	.630**	0.00
--	--------	------

***. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).*

**. Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).*

Berdasarkan Jadual 6, menjelaskan bahawa terdapat hubungan positif (tinggi) yang signifikan di antara kebergantungan sendiri (*self-reliance*) dengan mempunyai makna (*meaningfulness*) iaitu dengan nilai korelasi ($r = 0.724$, $p < 0.01$). Hal ini dapat disimpulkan sebagai semakin baik tahap kebergantungan sendiri, maka semakin baik juga tahap mempunyai makna dalam kalangan pelajar.

Perbincangan Dan Cadangan

Objektif pertama kajian ini adalah bagi mengenal pasti tahap gaya asuhan ibu bapa dalam kalangan pelajar. Terdapat tiga jenis gaya asuhan yang menjadi amalan ibu bapa pelajar iaitu autoritatif, autoritarian dan permisif. Amalan gaya asuhan autoritatif berada pada tahap yang tinggi ($X = 3.707$, $SP = 0.573$), manakala amalan gaya asuhan autoritarian ($X = 3.395$, $SP = 0.672$) dan permisif ($X = 2.867$, $SP = 0.682$) pula berada pada tahap yang sederhana. Ini menunjukkan bahawa gaya asuhan autoritaif mendominasi gaya asuhan yang diamalkan oleh ibu bapa pelajar berbanding gaya asuhan yang lain.

Seterusnya, tahap yang tinggi bagi gaya asuhan autoritatif pula menandakan bahawa ibu bapa pelajar lebih cenderung untuk membesarkan anak-anak dalam suasana yang penuh dengan kemesraan dan toleransi. Pada masa yang sama, ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan ini juga mampu menunjukkan sikap yang tegas menerusi perlaksanaan peraturan dan hukuman yang rasional. Penguasaan terhadap gaya asuhan ini mungkin disebabkan oleh pengalaman ibu bapa yang telah menyaksikan bahawa ianya paling sesuai dalam membentuk karakter yang positif dalam kalangan anak-anak zaman ini. Tambahan pula, terdapat banyak kajian tempatan yang telah membuktikan bahawa gaya asuhan ini dapat meningkatkan kecemerlangan akademik, kecerdasan emosi, estim diri dan sahsiah diri anak-anak (Loganathan, 2015; Abdul Munir Ismail et al., 2016; Abdul Adib Asnawi et al., 2017 dan Habibie Ibrahim et al., 2018).

Gaya asuhan autoritarian yang mencatatkan tahap yang sederhana pula melibatkan ibu bapa yang gemar mengenakan kawalan dan menuntut keakuratan yang tinggi ke atas anak-anak. Ibu bapa juga sering mempamerkan sikap tegas yang secara berlebihan di mana anak-anak langsung tidak diberikan peluang untuk bersuara dan membuat justifikasi atas kesalahan diri yang mereka lakukan. Gaya asuhan permisif yang dipraktikkan oleh ibu bapa pelajar pula adalah sederhana. Gaya asuhan ini kebiasaannya dianggap banyak memberi kesan yang negatif kepada perkembangan diri anak-anak. Hal ini demikian kerana ibu bapa dengan ciri-ciri permisif kebiasaannya terlampau menuruti kemahuan anak-anak dan tidak meletakkan sebarang harapan terhadap perilaku mereka. Antara ketiga-tiga gaya asuhan yang dikaji, gaya asuhan ini paling kurang diterapkan terhadap pelajar. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa majoriti ibu bapa juga menyedari bahawa gaya asuhan ini kurang bersesuaian untuk membentuk anak-anak dengan ciri-ciri seorang pelajar yang cemerlang (Johari Talib, Maharam Mamat, Maznah Ibrahim & Zulkifli Mohamad, 2017).

Tahap Personaliti Psiko-spiritual

Objektif kedua kajian ini adalah bagi mengenal pasti tahap personaliti psiko-spiritual dalam kalangan pelajar. Hasil analisis menunjukkan kebanyakan pelajar memiliki tahap yang tinggi bagi ketiga-tiga aspek personaliti psiko-spiritual yang dikaji iaitu ibadah ($X = 3.644$, $SP = 0.488$), amanah ($X = 3.803$, $SP = 0.506$) dan ilmu ($X = 4.144$, $SP = 0.471$). Interpretasi bagi dapatan ini adalah majoriti pelajar mempunyai kesedaran yang tinggi akan pentingnya nilai ibadah, amanah dan ilmu dalam kehidupan seharian. Kepentingan aspek ini telah diterangkan oleh Ruzieha Abd. Halim (2017), yang mana ianya mampu melahirkan individu Muslim yang baik iaitu bebas daripada gejala yang tidak bermoral seperti jenayah seksual. Nuriman et al. (2017) pula

menyebutkan bahawa pembentukan moral yang baik wajar disemai dalam diri setiap individu bagi membolehkan mereka mempamerkan adab dan karakter diri yang terbaik. Kajian yang lain pula iaitu Intan Farhana Saparudin & Siti Nabilah Che Soh (2018) telah menekankan peranan elemen kerohanian dalam mewujudkan remaja yang sejahtera baik dari segi psikologi mahupun spiritual (Jasmadi & Lailatul Muslimah Dosen, 2016).

Dari aspek ibadah, majoriti pelajar tidak hanya kerap melaksanakan ibadah fardhu, tetapi juga amalan-amalan baik yang lain seperti sedekah, zikir, menjaga pemakanan dan kelakuan mengikut ajaran Islam. Tabiat keagamaan yang dimiliki oleh pelajar ini mungkin juga adalah hasil daripada persekitaran Islamik yang telah lama diterapkan oleh ibu bapa mereka di rumah. Selain itu, faktor persekitaran universiti yang menitikberatkan tatacara hidup berlandaskan nilai agama juga mungkin menjadi asbab kepada dapatan ini. Unsur keagamaan dapat menjadi faktor utama dalam menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar (Husni Mohd Radzi, Lilie Zahara Ramly, Farhaniza Ghazali, Sapora Sipon & Khatijah Othman, 2014; Kamarul Azmi Jasmi, Azmi Maricar Ahamed & Jawwal Miqdam Mohd Noor, 2015).

Dari aspek amanah pula, dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar turut menyedari akan tanggungjawab yang perlu ditunaikan terhadap Allah S.W.T, keluarga dan juga masyarakat. Tanggungjawab terhadap Allah adalah meliputi kepatuhan kepada segala perintah-Nya dan meninggalkan semua larangan-Nya. Sementara itu, tanggungjawab terhadap keluarga pula melibatkan ketaatan kepada ibu bapa dan menjaga maruah keluarga. Kemudian, tanggungjawab terhadap masyarakat adalah merujuk kepada perlaksanaan *amar ma'ruf* dan *nahi munkar*. Dalam konteks kajian ini, pelajar telahpun dididik dengan sifat amanah iaitu menerusi etika kaunseling yang telah digariskan oleh Lembaga Kaunselor Malaysia. Penghayatan nilai ini sangat penting dalam diri pelajar dalam usaha untuk meningkatkan kepercayaan orang sekeliling akan kompetensi diri mereka sebagai seorang bakal kaunselor. Hal yang paling utama adalah agama Islam sendiri telahpun menekankan setiap penganutnya yang beriman untuk sentiasa berpegang teguh dengan nilai amanah dalam urusan seharian. Ini adalah berdasarkan kepada sabda Rasulullah s.a.w dalam Hadis Riwayat Ahmad yang bermaksud, "Tidak (sempurna) iman seseorang yang tidak amanah."

Tahap Daya Ketahanan Diri

Objektif ketiga kajian ini adalah bagi mengenal pasti tahap daya ketahanan diri dalam kalangan pelajar. Bagi mencapai objektif ini, pengkaji telah mengkaji daya ketahanan diri pelajar dari lima aspek yang berbeza iaitu kebergantungan sendiri (*self-reliance*), mempunyai makna (*meaningfulness*), ketenangan (*equanimity*), ketabahan (*perseverance*) dan falsafah kesunyian (*existential aloneness*). Secara keseluruhannya, majoriti pelajar yang dikaji mempunyai daya ketahanan diri yang tinggi. Menurut Anasuri (2016), arus globalisasi menghasilkan impak yang sangat besar terhadap tekanan yang dihadapi oleh masyarakat masa kini. Oleh itu, pembinaan daya ketahanan diri adalah penting untuk memastikan keadaan emosi setiap anggota masyarakat terus terpelihara. Melihat kepada dapatan yang diperolehi dalam kajian ini, majoriti pelajar dilihat tidak begitu terkesan dengan perubahan yang berlaku dan masih mampu untuk membuat penyesuaian diri dengan baik.

Selain itu, pelajar juga mempunyai kesedaran yang tinggi bahawa kehidupan ini mempunyai makna (*meaningfulness*) iaitu dengan nilai min ($X = 5.423$, $SP = 0.796$). Aspek ini menunjukkan bahawa pelajar jelas akan matlamat hidup masing-masing dan berusaha mencapainya tanpa sebarang pertikaian. Di samping itu, mereka juga berusaha untuk mengekalkan minat terhadap sesuatu perkara dan berbangga dengan pencapaian yang telah mereka kecapai. Dalam konteks seorang pelajar, secara amnya mereka berhadapan dengan pelbagai pilihan dalam hidup yang memerlukan kepada keputusan yang tepat serta pada kadar yang segera. Salah satu daripadanya adalah pilihan berkaitan dengan kerjaya. Majoriti pelajar juga telah mencapai tahap yang tinggi bagi aspek daya ketahanan diri yang berikutnya iaitu ketenangan (*equanimity*) dengan nilai min ($X = 5.332$, $SP = 0.933$).

Selain itu, pelajar juga mempunyai kesedaran yang tinggi bahawa kehidupan ini mempunyai makna (*meaningfulness*) iaitu dengan nilai min ($X = 5.423$, $SP = 0.796$). Aspek ini menunjukkan bahawa pelajar jelas akan matlamat hidup masing-masing dan berusaha mencapainya tanpa sebarang pertikaian. Di samping itu, mereka juga berusaha untuk mengekalkan minat terhadap sesuatu perkara dan berbangga dengan pencapaian yang telah mereka kecapai. Dalam konteks seorang pelajar, secara amnya mereka berhadapan dengan pelbagai pilihan dalam hidup yang memerlukan kepada keputusan yang tepat serta pada kadar yang segera. Salah satu daripadanya adalah pilihan berkaitan dengan kerjaya.

Majoriti pelajar juga telah mencapai tahap yang tinggi bagi aspek daya ketahanan diri yang berikutnya iaitu ketenangan (*equanimity*) Aspek ini menggambarkan keupayaan pelajar untuk kekal bersikap terbuka dan tenang dalam menerima segala hal yang bakal berlaku serta bersikap humor walaupun sedang dilanda dengan masalah.

Di samping itu, pelajar juga menunjukkan nilai ketabahan (*perseverance*) pada tahap yang sederhana ($X = 5.402$, $SP = 0.811$). Situasi ini adalah bersamaan dengan dapatan kajian oleh Waters, Loton dan Jach (2019) iaitu ibu bapa yang menyokong kebolehan anak-anak dapat meningkatkan tahap ketabahan dalam diri mereka, seterusnya membantu mereka untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik. Tambahan pula, agama Islam yang menjadi pegangan utama pelajar telah mengajarkan mereka dengan amalan-amalan rutin seperti solat, zikir dan sentiasa membuat kebaikan sesama manusia. Oleh itu, amalan keagamaan ini juga mungkin menjadi faktor yang meningkatkan lagi potensi pelajar dalam mencapai tahap ketabahan yang positif. Kenyataan ini juga menyokong kajian yang dibuat oleh Muslihah Mazlan, Mohd Azam Yahya dan Fatimah Nadhirah (2016). berputus asa dalam kehidupan.

Selain daripada ketabahan, aspek falsafah kesunyian (*existential aloneness*) turut menjadi asas kepada pembentukan daya ketahanan diri yang tinggi dalam kalangan pelajar. Pelajar yang berjaya menghayati nilai ini secara amnya mempunyai kepercayaan bahawa mereka mampu untuk menjalani kehidupan secara sendiri. Menjalani kehidupan sendiri di universiti tanpa bergantung harap kepada keluarga adalah satu norma biasa bagi mereka yang bergelar sebagai seorang pelajar. Pada ketika ini, pelajar dilatih untuk menguruskan hal-hal berkaitan kewangan dan menyelesaikan masalah secara sendiri di samping hidup mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak universiti. Kenyataan ini telah dikukuhkan oleh Cherry, K. (2019) dan Dedi Anshori. (2018) iaitu menurut kajian mereka corak asuhan yang bersifat positif dan demokratik adalah paling berkesan dalam melahirkan anak-anak yang berkebolehan untuk berdikari. Manakala, corak asuhan yang bersifat permisif, autoritarian, negatif dan mengabaikan malah menyukarkan anak-anak untuk berbuat demikian. Oleh itu, anak-anak perlulah dilatih dari kecil lagi untuk menguruskan sesuatu perkara dengan sendiri tanpa mengharapkan bantuan daripada individu lain.

Implikasi Kajian

Kajian ini telah memberi implikasi yang positif dari segi teoritikal dan juga praktikal. Dari sudut teoritikal, kajian ini telah menggunakan Teori Gaya Asuhan Ibu Bapa Baumrind (1966), Model Psiko-spiritual (2011) dan Teori Ekologi Brofenbrenner (1979) sebagai rujukan utama kajian. Menerusi pelaksanaan kajian ini, kesahihan konsep-konsep yang diketengahkan dalam teori dan model tersebut secara tidak langsung dapat dibuktikan dengan lebih jelas. Hal ini kemudiannya dapat menjadi pertimbangan untuk para pengkaji akan datang untuk mengaplikasikannya dalam kajian-kajian yang bakal mereka laksanakan kelak.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini telah membuktikan bahawa terdapat hubungan di antara gaya asuhan ibu bapa, personaliti psiko-spiritual dengan daya ketahanan diri dalam kalangan pelajar. Ibu bapa yang memiliki gaya asuhan autoritatif yang bersifat penyayang, gemar memberi sokongan dan juga bimbingan dapat meningkatkan penghayatan pelajar terhadap nilai-nilai spiritual seperti mencintai ibadah, menjaga amanah serta menghargai ilmu pengetahuan. Penghayatan terhadap nilai-nilai tersebut menjadikan pelajar seorang yang berdaya tahan iaitu mampu meneroka potensi diri, mengawal emosi dan tingkah laku serta menguruskan diri secara positif. Ibu bapa yang mempunyai gaya asuhan autoritarian yang bersifat mengawal, mengarah dan mengenakan peraturan yang wajib untuk dipatuhi juga sedikit sebanyak membantu pelajar untuk mematuhi ajaran agama Islam dengan lebih baik.

Rujukan

Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin & Jamaludin Tubah. (2006). *Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru*. Cheras, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abdul Adib Asnawi, Agnis Sombuling & Lailawati Madlan @ Endalan. (2017). Penerimaan Gaya Keibubapaan dalam Kalangan Remaja dan Kesannya Terhadap Perkembangan Kecerdasan Emosi. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 31(2), 78-89.

Abdul Munir Ismail, Saharizah Mohamad Salleh dan Misnan Jemali. (2016). Analisis Bentuk Didikan Ibu Bapa Bagi Membentuk Sahsiah Cemerlang: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka. *Jurnal Perspektif*, 8(2), 1-10.

Adibah Sulaiman, Ezad Azraai Jamsari & Noorsafuan Che Noh. (2014). Islamic Environment in Child Development According to The Views of Imam al-Ghazali. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(29), 33-39.

Aerisuli Awang. (2011). Penghayatan Ibadah dan Kesannya Terhadap Hubungan Sosial di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu. *Disertasi*. Universiti Malaya.

Aini Faezah Ramlan, S Salahudin Suyurno, Muhammad Taufik Sharipp, Abdul Rauf Ridzuan & Siti Nur Farrah Faadiyah Abd Ghani. (2018). The Influence of Family Communication In Developing Muslim Personality: An Overview of Family Communication Patterns Theory. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 1(1), 60-73.

Aisha Siddiqa dan Anis Jahan. (2018). The Relationship Between Spirituality and Resilience. *Interdisciplinary Multilingual Refereed Journal*, 37(5), 39- 44.

Ali Hafizar Mohamad Rawi, Norida Abdullah & Siti Nurul Suhada Shamsul Al-Kamal. (2017). Hubungan di antara Jenis Komunikasi dan Gaya Asuhan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja: Kajian Literatur. *Journal of Human Capital Development*, 10(1), 55-68.

Amy Mohamad. (2019, Januari 17). "Hebatnya Cara Rasulullah Saw Mendidik Anak"- Ustazah Asni Abu Mansor. *Nona*.

Asmaliah Ismail. (2017). Program Pencegahan Masalah Sosial Remaja. *Portal MyHealth*.

Asmawati Desa, Fatimah Yusoff, Zainah Ahmad Zamani, Nor Ba'ayah Abdul Kadir dan Mohd Norahim Mohamed Sani. (2015). Kemahiran Keibubapaan, Kefungsian Keluarga Dan Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Ibubapa. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 29(2), 32-42.

Atikah Osman & Siti Aishah Yahya (2018). Hubungan di antara Penghayatan Agama dengan Kesejahteraan Psikologi dalam Kalangan Pelajar. *Jurnal Maw'izah*, 1(2018), 154 - 165.

Azizi Yahaya & Shahrin Hashim. (2008). *Mengenal Personaliti Remaja*. Retrieved from 10.13140/2.1.2647.2321.

Baumrind, D. (1991). The Influence of Parenting Style On Adolescent Competence and Substance Use. *Journal of Early Adolescence*, 11(1), 56-95.

Cherry, K. (2019). 8 Characteristics of Authoritarian Parenting. The Effects of Authoritarian Parenting On Children. Retrieved from <https://www.verywellmind.com/what-is-authoritarian-parenting-2794955>.

Cohen, H. (2018). What is Resilience. *PsychCentral.com*. Retrieved from <https://psychcentral.com/lib/what-is-resilience/>

Diana, Wulandari and Lee, Jun Choi & Sawan @ Mohammad Syawal Narawi (2018). Pengaruh Gaya Asuhan Ibu Bapa Terhadap Gejala Ponteng Sekolah. *Journal of Education and Social Sciences*, 9(2), 11-22.

Dinar Sari Eka Dewi & Hazaliza Hamzah. (2019). The relationship between spirituality, quality of life, and resilience. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 349, 145-147.

Euis Sunarti, Intan Islamia, Nur Rochimah & Milatul Ulfa. (2018). Resiliensi Remaja: Perbedaan Berdasarkan Wilayah, Kemiskinan, Jenis Kelamin dan Jenis Sekolah. *Jur. Ilm. Kel. & Kons*, 11(2), 157-168.

Faizah Abdul Ghani, Suraya Lin Abdullah Kamal & Azian Abd Aziz. (2014). The Implications of Parenting Styles of the Akhlak of Muslim Teenagers in The South Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 114, 761-765.

Habibie Ibrahim, Mazni Mustapha, Joki Perdani, Puteri Hayati Megat Ahmad & Nurul Hudani Md Nawi. (2018). Peranan dan Tanggungjawab Ibu Bapa dalam Pengasuhan Anak dan Remaja. *Asian Social Work Journal*, 3(5), 18-24.

Hamidah Sulaiman. (2013). Hubungan di antara Kecerdasan Emosi dengan Gaya Asuhan Ibu Bapa dalam Kalangan Remaja Sekolah. *Tesis*. Universiti Malaya.

Hasna Bidin. (2016). Pelaksanaan Solat dalam Kalangan Pelajar Muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor. *Tesis*. Universiti Teknologi Malaysia.

Hissan Hathut. (2015). *Isu 40-Majalah Jom!: Misi Tak Mustahil*. Kuala Lumpur: Deen Prints.

Hoddinott, J. (2014). *Resilience: A Primer*. Retrieved from <https://books.google.com>.

Husni Mohd Radzi, Lilie Zahara Ramly, Farhaniza Ghazali, Sapora Sipon & Khatijah Othman. (2014). Religious and Spiritual Coping Used by Student In Dealing With Stress And Anxiety. *International Journal of Asian Social Science*, 4(2), 314-319.

Intan Farhana Saparudin & Siti Nabilah Che Soh. (2018). Elemen Psiko-Spiritual dalam Menangani Delinkuensi Remaja. *Human Sustainability Procedia (INSAN 2018 E-Proceeding)*. Johor Bahru, Johor, Malaysia, 7-8 November 2018.

Jas Laile Suzana Jaafar. (2008). *Pengenalan Kepada Psikologi Kanak-Kanak dan Remaja*. Selangor: Arah Pendidikan Sdn. Bhd.

Jasmadi & Lailatul Muslimah Dosen. (2016). Hubungan Kualitas Dzikir dengan Kebahagiaan Pada Mahasiswa Aktivistik Dakwah Kampus (ADK) Unsyiah. *Jurnal Psikoislamedia*, 1(1), 1 - 22

Johari Talib, Maharam Mamat, Maznah Ibrahim & Zulkifli Mohamad. (2017). Penerokaan Gaya Keibubapaan Ibu Bapa Kelas Sosial Rendah yang Mempunyai Anak Bepencapaian Rendah. *Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial*, 1, 8-12.

Kamarul Azmi Jasmi, Azmi Maricar Ahamed & Jawwal Miqdam Mohd Noor. (2015). *Mahasiswa dan Matlamat Hidup in Mahasiswa dan Kehidupan Menurut Perspektif Islam*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.

Khairani Kaharuddin dan Mohd. Dahlan A. Malek. (2014). Perkaitan Keibubapaan dan Keagamaan dengan Kesedaran untuk Berubah di kalangan Remaja Pelajar Politeknik Kuching Sarawak *Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga*, 2014, 1-9

Khairul Anwar Mastor & Hasnan Kasan. (2019). Religiosity, Personality Development and Protective Mechanism Against Disobedience: A Review. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 20, 13-23.

Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.

Kustiah Sunarty & Gufran Darma Dirawan. (2015). Development Parenting Model to Increase the Independence of Children. *International Education Studies*, 8(10), 107-113.

Loganathan, G. (2015). Hubungan di antara Gaya Asuhan Ibu Bapa dan Penghargaan Diri dengan Tingkah Laku Delinkuensi Remaja. *Tesis*. Universiti Putra Malaysia.

Maboudeh Mohammadi, Akram Sanagoo, Abolfazl Kavosi & Ali Kavosi. (2018). Association of Parenting Style with Self-Efficacy and Resilience of Gifted and Ordinary Male High School Students in Sari, Iran. *Journal Clinical and Basic Research (JCBR)*, 2(3), 25-32.

Mardziah Ab Aziz & Nurul Ilyana Muhd Adnan. (2018). Pengamalan Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) Terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar: Satu Tinjauan Awal. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 10(2), 180-190.

Mariani Omar & Siti Sarah Hamzah (2016). Gaya Asuhan Ibu Bapa Terhadap Anak-Anak dalam Kalangan Kakitangan Kolej Universiti Sultan Azlan Shah. *The Journal of Management and Science*, 1(2), 1-12.

Masoumeh Alidosti, Seyedeh Leila Dehghani, Akhbar Babaei-Heydarabadi & Elahe Tavassoli. (2016). Comparison of Parenting Style in Single Child and Multiple Children Families. *Iranian Journal of Health Sciences*, 4 (2), 49-54.

Masjuki Misbah. (2017). Hubungan Tahap Pelaksanaan Solat Fardu dan Kecerdasan Emosi dalam Kalangan Pelajar di Daerah Johor Bahru. *Tesis*. Universiti Teknologi Malaysia.

- Monireh, A., Anahita, K.K. & Zabih, P. (2016). The Effect of Perceived Parenting Styles on Religion Attitude and Emotional Intelligence of High-School Girl Students. *Journal of Reaserch on Religion & Health*, 2(2), 34-43.
- Nasarudin Desa, Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Sabri Mohamad. (2018). Menangani Keruntuhan Akhlak Masa Kini Menurut Islam. *Jurnal al-Turath*, 3(1), 55-63.
- Nazneen Ismail & Syaidatun Nazirah Abu Zahrin. (2018). Analysing the Validity of Excellent Ummah Personality Using Confirmatory Factor Analysis. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 3(10), 54-62.
- Ng Ying Yee & Wan Shahrazad Sulaiman. (2017). Resilience as Mediator in Relationship between Family Functioning and Depression among Adolescents from Single Parent Families. *Akademia*, 87(1), 111-122.
- Nik Ahmad Hisham Ismail, Mustafa Tekke, Nooraini Othman & Afareez Abd Razak Al-Hafiz. (2016). Students' Islamic Personality On Ibadah: A structural modelling approach. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 219, 755-761.
- Nik Hairi Omar, Azmi Abdul Manaf & Ahmad Shazili Ayob. (2012). Pengujian Model Gaya Keibubapaan Baumrind ke atas Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 105-120.
- Noor A. Rosli. (2014). Effect of Parenting Styles On Children's Emotional and Behavioral Problems among Different Ethnicities of Muslim Children in the U.S. *Dissertations, Theses and Professional Projects*. Marquette University.
- Noor Hafizah Mohd Haridi. (2016). Program Agama di Pusat Pemulihan Akhlak Jabatan khidmat masyarakat (JKM): Kajian dari Aspek Perlaksanaan dan Keberkasanaan. *Tesis*. Universiti Malaya.
- Nooraini Othman. (2011). Exploring the Ummatic Personality Dimensions from the Psycho-Spiritual Paradigm. *International Journal of Psychological Studies*, 3(2), 35-47.
- Nooraini Othman. (2011). Eksplorasi Dimensi Ummatic Personality Inventory (UPI) sebagai alat pengukuran personaliti psiko-spiritual islami. *'Ulum Islamiyyah Journal*, 7, 31-50.
- Nooraini Othman & Salasiah Kahirollah. (2013). Eksplorasi Hubungan di antara Personaliti Islamik dan Gaya Keibubapaan. *International Journal of Islamic Thought*, 4, 48-57.
- Nor Syakila Jaeh & Amalia Madihie. (2019). Self-Efficacy and Resilience among Late Adolescent. *Journal of Counseling and Educational Technology*, 2(1), 27-32.
- Nor Wahida Dzaliu'zzabir. (2017). Pengaruh rakan Sebaya Terhadap Amalan Akidah dalam Kalangan Pelajar Politeknik. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business (HLCB)*, 1(2), 79-94.
- Nur Azhana Ahmad. (2017). Gaya Asuhan Ibu Bapa dan Hubungannya dengan Konflik Remaja. *Portal Rasmi MyHealth*.
- Nurshuhada Mohd Sabri, Wan Shahrazad Wan Sulaiman & Norulhuda Sarnon. (2018). Penerokaan Amalan Zikir dan Perubahan Tingkah Laku dalam Proses Kepulihan Penagihan dalam Kalangan Penagih Bebas Dadah. *Journal of Social Sciences*, 13(2), 141-153.

Nurul Husna Rosidi. (2019, Mei 8). Akhlak Remaja Melayu Semakin Meruncing. Retrieved from <https://www.utusan.com.my/rencana/forum/akhlak-remaja-melayu-semakin-meruncing-1.478633>

Ooi Shok Hong, Choi Sang Long dan Rabeatul Husna Abdul Rahman. (2015). An Analysis On the Relationship Between Parenting Styles and Self Esteem of Students of a University in Malaysia: A Case Study. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(4), 300-310.

Persatuan Psikologi Amerika (APA). (2020). *The Road to Resilience*.

Power, G. T. (2013). Parenting Dimensions and Styles: A Brief History and Recommendations for Future Research. *Childhood Obesity*, 9(1), 14-21.

Rohani Nasir et al. (2009). *Modul Ketahanan Diri (Bantuan Geran Penyelidikan IPPBM 2008/ mn2009)*.

Rosmala Dewi, Raudah Zaimah Dalimunthe, M. Fitri Rahmadana, Wanapri Pangaribuan, M. Bukhori Dalimunthe & Martiano. (2019). *Membangun Ketahanan Diri Anak Remaja Melalui Progrma Eduda (Education of Drugs Adversity)*. Indonesia: Yayasan Kita Menulis.

Ruzieha Abd Halim (2017). Penghayatan Agama Islam Sebagai Mediator dalam Hubungan di antara Persekitaran Sosial dengan Salah Laku Seksual Pelajar Islam. *Tesis*. Universiti Teknologi Malaysia.

Sahlawati Abu Bakar, Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail & Zanariah Dimon. (2017). Kaedah Al-Quran dalam Menangani Masalah Sosial: Kajian di Pusat Perlindungan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). *Jurnal Pengajian Islam*, 10(1), 57-77.

Salasiah Hanin Hamjah, Izzah Nur Aida Zur Raffar, Rosmawati Mohamad Rasit & Zuliza Mohd Kusrin (2019). Adolescent's Perception of Father's Leadership Style in The Family. *The Journal of Social Sciences Research*, 5(2), 284-290.

Siti Aishah Yahya & Sidar Binti Nasrun. (2016). Tahap Penghayatan Agama dalam Kalangan Remaja Hamil Tanpa Nikah. *Jurnal Sains Sosial Malaysian*, 1 (2016), 17-35.

Siti Hajar Mohamad Yusoff & Yahya Don. (2016). Kefungsian Keluarga dan Ketahanan Diri Pelajar Sekolah Mengengah Kebangsaan Harian. *Proceeding of ICECRS*, 1 (2016), 131-138.

Siti Hajar Kamaruddin, Jamiah Manap, Haslinda Abdullah dan Turiman Suandi. (2016). Daya tahan belia: Pengaruh Hubungan Perapatan dalam Insitusi Kekeluargaan. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 2, 160-172.

Siti Jauyah Lokman. (2016). Pengaruh Gaya Keibubapaan Terhadap Personaliti Islamik Remaja Awal: Sosialisasi Agama Sebagai Pengantara. *Seminar Psikologi Kebangsaan-iii 2016*. Kota Kinabalu, Sabah, 68-78.

Suhaila Nadzri, Suhaily Md Shamsudin, Siti Syuhada Abd Rahman, Ahmad A'toa' Mohktar & Azri Rizal Md Razali. (2018). Isu-Isu Pengabaian Solat Dalam Kalangan Remaja di Negeri Selangor. *E-book of Masjid, Zakat and Waqf Management 2018 (IMAF 2018)*. Bangi, Selangor.

Urvashi D. & Anita, P, S. (2017). Studying Spirituality in The Context Of Grit and Resilience of College-Going Young Adults. *International Journal for Innovative Research in Multidisciplinary Field*, 3(9), 50-55.

Zahra Abaspoorazar, Noor Ali Farrokhi, Ahmad Borj Ali. (2015). Explaining the Relationship Between Parenting Styles, Identity Styles and Spiritual Health in Adolescents. *European Online Journal of Natural and Social Sciences*, 4(3), 240-250.